



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II – SESSION 2022 / 2023
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWP 2213
KOD KURSUS

COURSE NAME : FINANCIAL MANAGEMENT
NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEWANGAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWP
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES
TEMPOH : 2 JAM 30 MINIT

DATE : JUNE / JULY 2023
TARIKH : JUN / JULAI 2023

INSTRUCTION :
ARAHAN

ANSWER **ALL** QUESTIONS IN THE ANSWER BOOKLET(S) PROVIDED.

JAWAB **SEMUA** SOALAN DI DALAM BUKU JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of ...7.... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi ...7..... muka surat termasuk kulit hadapan



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

PUSAT PRGORAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM – PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1. Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1. memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2. menggunakan maklumat yang diperoleh seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4. lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1. Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1. memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
- 2.1.2. memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2. Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3. Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

PART A: Answer ALL questions.

[BAHAGIAN A: Jawab SEMUA soalan.]

(TOTAL 30 marks)

[JUMLAH 30 markah]

1. Investment banking in Malaysia is poised for strong growth in the years to come with a good number of domestic deals flows and a strong capital market. Explain what is the role of an investment banks in the underwriting and distributing processes. *[Perbankan pelaburan di Malaysia bersedia untuk pertumbuhan kukuh pada tahun-tahun akan datang dengan jumlah aliran arus niaga domestik yang baik dan pasaran modal yang kukuh. Terangkan apakah peranan bank pelaburan dalam proses penajajaminan dan pengagihan.]* (6m)
2. For years, many scholars and practitioners have contributed their time, knowledge, experiences in researching, and published many papers about agency costs. From that, describe **THREE** of the most effective agency cost mechanism in your view. *[Selama bertahun-tahun lamanya, ramai sarjana dan pengamal telah menyumbangkan masa, pengetahuan, pengalaman dalam meneliti, dan menerbitkan banyak makalah mengenai kos agensi. Daripada itu, terangkan TIGA mekanisme kos agensi yang paling berkesan pada pandangan anda.]* (6m)
3. Both Return on Asset (ROA) and Return on Equity (ROE) ratios measure company's profitability. Based on the DuPont analysis, which one is the more useful for comparing the financial performances of two companies? Why? *[Kedua-dua nisbah Pulangan atas Aset (ROA) dan Pulangan atas Modal (ROE) mengukur keberuntungan syarikat. Berdasarkan analisa DuPont, mana satu yang lebih berguna untuk membandingkan prestasi kewangan dua syarikat? Mengapa?]* (6m)
4. In the investment world, 'Don't put all your eggs in one basket' is one of the smart investing principles of diversification. Explain how diversifying investments affects the riskiness and expected return of a portfolio or combination of assets. Relate your answer to an example of an investment portfolio of your preference. *[Dalam dunia pelaburan, 'Don't put all your eggs in one basket' merupakan salah satu prinsip pelaburan bijak berkenaan kepelbagaian. Terangkan bagaimana mempelbagaikan pelaburan mempengaruhi risiko dan jangkaan pulangan bagi sebuah portfolio atau gabungan aset. Kaitkan jawapan anda dengan contoh portfolio pelaburan pilihan anda.]* (6m)
5. The cash conversion cycle (CCC) is a key measure of how efficiently the firm is in managing its net working capital. Using CCC, explain **THREE** actions can a firm take to minimize its net working capital? *[Kitaran penukaran tunai (CCC) adalah satu ukuran utama seberapa cekap syarikat dalam menguruskan modal kerjanya. Dengan menggunakan CCC, terangkan TIGA tindakan yang boleh diambil oleh firma untuk meminimumkan modal kerjanya?]* (6m)

PART B: Answer ALL questions.

[BAHAGIAN B: Jawab SEMUA soalan.]

(TOTAL 70 marks)

[JUMLAH 70 markah]

1. Prepare an amortization schedule for a RM25,000 loan to be repaid in equal installments at the end of each of the next 3 years. The interest rate is 10% compounded annually.
[Sediakan jadual pelunasan bagi pinjaman sebanyak RM25,000 untuk dibayar balik dalam pembayaran yang sama pada akhir setiap tahun untuk tempoh 3 tahun akan datang. Kadar faedah adalah 10% dikompaun secara tahunan.] (5m)
2. DDW Corporation is considering the purchase of a DDG bond with a RM1,000 par value and a 5% annual coupon rate that matures in 10 years. The market price of the bond is RM950, and DDW's required rate of return for the bond is 8%. A zero-coupon bond with similar risks is selling for RM340, and matures in 14 years. Should DDW Corporation invest in the DDG bond or the zero-coupon bond? Support your answer with calculations.
[DDW Corporation sedang mempertimbangkan pembelian bon DDG dengan nilai tara RM1,000 dan kadar kupon tahunan 5% yang matang dalam 10 tahun. Harga pasaran bon ialah RM950, dan kadar pulangan yang diperlukan DDW untuk bon itu ialah 8%. Bon sifar kupon dengan risiko yang sama dijual pada harga RM340, dan matang dalam 14 tahun. Patutkah DDW Corporation melabur dalam bon DDG atau bon kupon sifar? Sokong jawapan anda dengan pengiraan.] (5m)
3. Dariya, an investment analyst noted that company DDW has been growing at a constant rate of 9% per year for the last 3 years. However, in view of the expected recovery in the global economy, Dariya is confident that DDW should be able to grow at a faster rate of 15% for the next 3 years. Thereafter it should settle at the previous growth rate of 9% per year. An investor's risk appetite is 12%. DDW is currently traded at RM30 on Bursa Malaysia. DDW just paid a dividend of RM1.10. Should Dania advise her investment client to purchase the DDW common stock? Why?
[Dariya, seorang penganalisa pelaburan mengetahui bahawa syarikat DDW telah berkembang dengan kadar konstan 9% setahun untuk 3 tahun sebelum ini. Bagaimanapun, pada jangkaan yang ekonomi dunia akan pulih, Dania yakin bahawa DDW sepatutnya mampu berkembang pada kadar yang lebih cepat iaitu 15% untuk 3 tahun seterusnya. Selepas itu, ia tetap pada kadar pertumbuhan yang sebelumnya, iaitu 9% setahun. Risiko pelabur ialah 12%. Pada masa ini, DDW diniagakan pada RM30 dalam Bursa Malaysia. DDW baru membayar dividen RM1.10. Patutkah Danriya menasihati pelanggan pelaburannya untuk membeli saham biasa DDW? Mengapa?] (10m)

4. The capital structure for the DDW Berhad is provided here:

[Struktur modal untuk DDW Berhad adalah disediakan seperti berikut:]

Capital Structure (Struktur Modal)	RM '000
Bonds (Bon)	4,400
Preferred Stock (Saham Keutamaan)	1,000
Common Stock (Saham Biasa)	14,800

The firm is in a 25% tax bracket and plans to maintain its capital structure in the future. If the firm has a 8% before-tax cost debt, a 13.5% cost of preferred stock, and a 19% cost of common stock, what is the firm's weighted average cost of capital (WACC)? [Kadar cukai syarikat adalah 25% dan syarikat bercadang untuk mengekalkan struktur modal pada masa akan datang. Jika syarikat mempunyai kadar 8% kos hutang sebelum cukai, 13.5% kos saham keutamaan, dan 19% kos saham biasa, apakah kos modal purata wajaran (WACC) syarikat?] (5m)

5. MARS Berhad is considering two independent projects. The maximum allowable payback period for the project is 3.5 years. The required rate of return on these projects is 17%. The two projects provide the following set of after-tax net cash flows: [MARS Berhad sedang mempertimbangkan dua jenis projek saling tidak bergantung. Tempoh maksima bayaran balik projek yang dibenarkan ialah 3.5 tahun. Kadar pulangan yang diperlukan untuk projek-projek tersebut ialah 17%. Kedua-dua projek tersebut memberikan aliran tunai selepas cukai seperti berikut:]

	PROJECT A	PROJECT B
	[PROJEK A]	[PROJEK B]
Initial Outlay [Pelaburan Awal]	(RM650,000)	(RM650,000)
Inflow year 1 [Aliran masuk tahun 1]	180,000	205,000
Inflow year 2 [Aliran masuk tahun 2]	200,000	205,000
Inflow year 3 [Aliran masuk tahun 3]	210,000	205,000
Inflow year 4 [Aliran masuk tahun 4]	230,000	205,000
Inflow year 5 [Aliran masuk tahun 5]	250,000	205,000

Required: [Dikehendaki:]

- a. Determine the payback period for each project.
[Tentukan tempoh bayaran balik untuk setiap projek.] (3m)
- b. Calculate the Net Present Value (NPV) for each project.
[Kirakan Nilai Kini Bersih (NPV) untuk setiap projek.] (7m)
- c. Calculate the Profitability Index (PI) for each project.
[Kirakan Indeks Keberuntungan (PI) untuk setiap projek.] (2m)

- d. The Internal Rate of Return (IRR) for project A is 18.12%. Calculate the IRR for project B.
[Kadar Pulangan Dalaman (IRR) Projek A ialah 18.12%. Kirakan 'IRR' untuk projek B.] (3m)
- e. Based on the IRR given and ALL of your answers above, explain briefly which project should be accepted.
[Berdasarkan IRR yang diberi dan KESEMUA jawapan anda di atas, terangkan secara ringkas projek manakah yang patut diterima.] (6m)
- f. Why is NPV the most accurate capital budgeting technique compared to the Payback and IRR? Relate your answers with the concept of maximizing shareholder's wealth.
[Mengapa 'NPV' merupakan kaedah belanjawan modal yang paling tepat berbanding 'Payback' dan 'IRR'? Kaitkan jawapan anda dengan konsep memaksimumkan kekayaan pemegang saham.] (4m)
6. You are required to evaluate the purchase of a proposed digital textile printing machine for the Production Department. The purchase price is RM450,000, and it would cost another RM60,000 to modify the machine for special use by the firm. This machine has an expected life of 5 years, after which it will have no salvage value. The machine is depreciated using the straight-line method.
[Anda dikehendaki untuk membuat penilaian ke atas pembelian mesin percetakan tekstil yang dicadangkan untuk Jabatan Pengeluaran. Harga belian adalah RM450,000 dan ia akan memerlukan belanja tambahan RM60,000 untuk mengubahsuai mesin bagi kegunaan khas oleh firma. Mesin tersebut mempunyai jangka hayat selama 5 tahun, dan tidak mempunyai nilai sisa. Mesin tersebut disusutnilai dengan kaedah garis lurus.]

The new machine is expected to increase sales by RM500,000 and the cost of maintenance by RM300,000 annually over the life of the asset. Due to increased sales, the firm expects an increase in working capital of RM50,000. Finally, to purchase the new machine, the firm would have to borrow RM200,000 at 8% interest from SME Bank, resulting in additional interest payments of RM16,000 per year. The firm's marginal tax rate is 25%.

[Mesin baharu tersebut dijangkakan dapat meningkatkan jualan sebanyak RM500,000 dan kos penyelenggaraan sebanyak RM300,000 setiap tahun selama tempoh usia aset. Firma menjangkakan terdapat peningkatan modal kerja sebanyak RM50,000 disebabkan oleh peningkatan jualan. Akhirnya, untuk membeli mesin tersebut, firma perlu meminjam RM200,000 pada kadar faedah 8% daripada SME Bank, menyebabkan bayaran tambahan untuk faedah sebanyak RM16,000 setahun. Kadar cukai marginal firma adalah 25%.]

Required: [Dikehendaki:]

- a. What is the initial investment outlay for this project?
[Berapakah pengeluaran pelaburan permulaan bagi projek tersebut?] (5m)

- b. What are the project's annual cash flows in Years 1 to 5?
[Berapakah aliran tunai tahunan projek dalam Tahun 1 sehingga 5?] (10m)
- c. If the WACC is 17%, what is the project's Net Present Value (NPV)? Should this machine be purchased? Why?
[Jika WACC adalah 17%, apakah Nilai Masa Kini (NPV) projek tersebut? Patutkah mesin ini dibeli? Mengapa?] (7m)
- d. Briefly explain the need to separate the financing decision from the investment decision in preparing capital budgeting.
[Jelaskan secara ringkas keperluan untuk memisahkan keputusan pembiayaan dari keputusan pelaburan dalam menyediakan anggaran modal menyediakan belanjawan modal.] (3m)

- END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT] -